



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

TATACARA

TATACARA JKSD/KPKT/08 TATACARA JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD)

Disahkan oleh:



DATUK MOHD ZAMRI BIN
MAT ZAIN


TARIKH: 6/4/2026

Diluluskan oleh:



DATUK WIRA DR. M NOOR AZMAN BIN
TAIB

TARIKH: 7/4/2026


	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	2 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	TUJUAN TATACARA	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	TAFSIRAN	4
4.	OBJEKTIF PENUBUHAN JKSD	6
5.	KEANGGOTAAN JKSD	7
6.	FUNGSI DAN BIDANG KUASA JKSD	7
7.	SUMBER SIASATAN JKSD	9
8.	TEMPOH SIASATAN JKSD	9
9.	PROSEDUR SIASATAN JKSD	9
10.	KAEDAH SIASATAN JKSD	13
11.	PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN	13
12.	TARIKH KUATKUASA	14
13.	PERTANYAAN	14

LAMPIRAN

Lampiran 1	Penubuhan JKSD	15
Lampiran 2	Contoh Format Laporan JKSD	16

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	3 / 16
		Tarikh	07 APR 2026


1. TUJUAN

Tatacara ini bertujuan untuk menjelaskan mekanisma Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menjalankan siasatan atas arahan jabatan berhubung apa-apa maklumat / aduan berhubung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang melibatkan warga KPKT dan jabatan/ agensi di bawah KPKT.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penubuhan JKSD KPKT adalah selaras dengan fungsi teras penubuhan Unit Integriti di agensi awam melalui Pekeliling Perkhidmatan (MyPPSM) Ceraian SP.1.2.1 Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam serta Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tahun 2019 bagi menjalankan siasatan terhadap maklumat / aduan berhubung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang melibatkan warga KPKT dan jabatan/ agensi di bawah KPKT.

2.2 Bagi memastikan JKSD dapat menjalankan siasatan dengan teratur dan telus, satu garis panduan diwujudkan sebagai panduan kepada Pengerusi dan Ahli JKSD dalam melaksanakan siasatan agar pengumpulan fakta dan maklumat kes dibuat dengan sebaiknya serta mematuhi prosedur-prosedur yang berkuat kuasa sebelum tindakan selanjutnya diambil.


	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	4 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

3. TAFSIRAN

3.1 Pegawai Pengawal bermaksud Ketua Setiausaha KPKT.

3.2 KPKT bermaksud entiti di bawah KPKT seperti yang berikut:

Bahagian / Unit		Jabatan	Agensi	Pusat Latihan	Tribunal
Meliputi semua Bahagian / Unit di bawah sektor berikut:		(1) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	(1) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp)	Institut Latihan KPKT	Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
(1)	Sektor Kemampanan dan Perancangan Strategik	(2) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PlanMalaysia)	(2) Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)		
(2)	Sektor Perumahan, Kesejahteraan Komuniti	(3) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)	(3) Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)		
(3)	Sektor <i>Staff Function</i>	(4) Jabatan Perumahan Negara (JPN)	(4) Urbanice Malaysia		
(4)	Sektor Pengurusan dan Pembangunan	(5) Jabatan Landskap Negara (JLN)			
		(6) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)			

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	5 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

- 3.3 Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) bermaksud jawatankuasa yang dilantik oleh KSU / KJ berdasarkan pengesyoran daripada Unit Integriti, KPKT / Jabatan bagi menyiasat sesuatu maklumat / aduan yang memerlukan siasatan secara terperinci.
- 3.4 Pelanggaran Tatakelakuan bermaksud sesuatu tatakelakuan yang bercanggah dengan mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] atau lain-lain peraturan yang berkuat kuasa.
- 3.5 Siasatan bermaksud perbuatan memeriksa, menyelidik dan mencari bukti terhadap sesuatu perkara yang belum disahkan kebenarannya atau menjelaskan dan mengukuhkan dapatan laporan sebelumnya yang berkaitan. Hasil siasatan yang berkualiti adalah siasatan yang dapat menegakkan keadilan kepada semua pihak mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.
- 3.6 Pengerusi JKSD bermaksud Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Pengurusan dan Profesional (P&P) yang dilantik oleh KSU / KP dan mempunyai gred yang lebih tinggi berbanding ahli JKSD yang lain. Pengerusi JKSD tidak boleh dilantik dalam kalangan ahli atau urus setia Lembaga Tatatertib KPKT serta tiada kaitan dengan kes yang disiasat.
- 3.7 Ahli JKSD bermaksud kakitangan KPKT atau Jabatan/Agensi di bawah KPKT daripada mana-mana kumpulan perjawatan yang dilantik oleh Pegawai Pengawal dan tidak boleh terdiri daripada ahli atau urus setia Lembaga Tatatertib KPKT serta tiada kaitan dengan kes yang disiasat.


	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	6 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

- 3.8 Orang Yang Diadu (OYDA) bermaksud mana-mana individu yang dilaporkan bagi tindakan susulan atau tindakan tatatertib.
- 3.9 Saksi bermaksud mana-mana individu yang dirujuk untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan.
- 3.10 Maklumat / Aduan bermaksud maklumat atau aduan yang diterima oleh Unit Integriti, KPKT atau Laporan Pengauditan daripada Unit Audit Dalam, KPKT.
- 3.11 Urus Setia JKSD bermaksud pegawai di Unit Integriti KPKT / Jabatan yang dilantik oleh KSU / KP. Pegawai tersebut hendaklah bukan merupakan Urus Setia Lembaga Tatatertib serta tidak mempunyai sebarang kaitan dengan kes yang disiasat

4. OBJEKTIF PENUBUHAN JKSD

JKSD ditubuhkan dengan tujuan untuk:

- a) menjalankan siasatan bagi mengenal pasti dan meneliti punca berlakunya kes yang dilaporkan;
- b) mengenal pasti sekiranya terdapat pegawai yang melanggar peraturan atau undang-undang dan memperakukan tindakan sesuai yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib / Surcaj / Jenayah / SPRM / Sivil ke atas pegawai berkenaan; dan
- c) mengemukakan cadangan penambahbaikan.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	7 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

5. KEANGGOTAAN JKSD

- 5.1 Sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai dan diketuai oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Pengurusan dan Profesional (P&P) di gred yang bersesuaian (seboleh-bolehnya adalah lebih tinggi daripada gred pegawai yang disiasat).
- 5.2 Pegawai yang tidak terlibat dengan kes tersebut dan seboleh-bolehnya bukan dari Jabatan / Agensi / Bahagian / Unit yang sama.
- 5.3 Salah seorang ahli jawatankuasa merupakan pegawai yang mempunyai pengalaman terhadap kes yang disiasat.

6. FUNGSI DAN BIDANG KUASA JKSD


- 6.1 JKSD hendaklah menjalankan siasatan terhadap maklumat/ aduan yang melibatkan warga KPKT dan jabatan / agensi di bawah KPKT berdasarkan arahan Pegawai Pengawal.
- 6.2 Pengerusi dan Ahli JKSD hendaklah melaksanakan tugasnya dalam menjalankan siasatan. Tanggungjawab ini tidak boleh diturunkan kuasa kepada individu lain.
- 6.3 Satu Terma Rujukan (ToR) perlu diwujudkan sebelum siasatan dijalankan bagi menetapkan hala tuju siasatan berdasarkan arahan yang diterima.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	8 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

6.4 JKSD boleh menamakan pegawai lain yang tidak dinamakan dalam Laporan Pengauditan sekiranya JKSD berpandangan pegawai tersebut terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kes yang disiasat dan didapati wujud pelanggaran peraturan.

6.5 JKSD hendaklah:

- a) mendapatkan maklumat, fakta, keterangan dan gambaran yang jelas, tepat dan betul;
- b) menjalankan siasatan secara adil, telus dan tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam kes yang disiasat;
- c) memulakan tindakan penyiasatan dengan menemu bual serta merakam keterangan / percakapan pegawai yang terlibat;
- d) mendapatkan salinan dokumen seperti fail, dokumen rasmi, surat rasmi, minit mesyuarat, buku log dan apa-apa dokumen / aset yang difikirkan sesuai sebagai bukti bagi menyokong dan melengkapkan siasatan;
- e) membuat pemeriksaan dan semakan ke atas apa-apa jua perkara yang berkaitan dengan kes bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan lancar dan sempurna;
- f) menyediakan dan mengemukakan laporan siasatan yang lengkap kepada Urus Setia JKSD; dan
- g) kerahsiaan hasil siasatan daripada mana-mana pihak selain daripada mereka yang mempunyai keperluan sah untuk mengetahuinya.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	9 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

7. SUMBER SIASATAN JKSD

Dalam garis panduan ini, punca kuasa untuk menjalankan siasatan adalah berdasarkan laporan dan arahan daripada KSU / KP.


8. TEMPOH SIASATAN JKSD

Siasatan hendaklah diselesaikan dengan kadar segera dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelantikan JKSD. Jika kes yang disiasat itu rumit, maka siasatan tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang munasabah bagi mengelakkan kelewatan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan hak Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap pegawai. JKSD hendaklah mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh siasatan melalui Urus Setia JKSD (sekiranya perlu).

9. PROSEDUR SIASATAN JKSD

9.1 Tindakan Sebelum Siasatan


- a) Urus Setia JKSD menguruskan surat pelantikan keanggotaan JKSD.
- b) Ahli JKSD hendaklah mengisytiharkan kepada Urus Setia JKSD sekiranya mempunyai kaitan dengan kes yang disiasat.
- c) Urus Setia JKSD menguruskan mesyuarat awal JKSD dan memberi taklimat berkaitan latar belakang kes dan panduan pelaksanaan siasatan kepada JKSD yang dilantik. Dalam mesyuarat yang sama, JKSD akan menetapkan perkara – perkara berikut:

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	10 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

- i. TOR seperti di **Lampiran A**.
- ii. Format Laporan JKSD seperti di **Lampiran B**.
- iii. Carta perbatuan bagi pelaksanaan siasatan.
- iv. Mengenal pasti kesalahan yang telah berlaku berdasarkan fakta kes/ maklumat asas yang telah disediakan. Intipati kesalahan adalah amat penting sebagai panduan dalam menetapkan hala tuju siasatan dan pengumpulan bukti-bukti kesalahan.
- v. Mengenal pasti OYDA, saksi dan Jabatan / Agensi / Bahagian / Unit yang terlibat.
- vi. Mengenal pasti peraturan atau arahan berkuat kuasa yang berkaitan dengan kes yang disiasat.

9.2 Tindakan Semasa Siasatan

- a) Pengerusi JKSD melaksanakan pembahagian tugas siasatan dalam kalangan ahli JKSD.
- b) Menentukan kaedah siasatan seperti menetapkan dokumen yang akan disemak, sesi lawatan, OYDA dan saksi yang perlu ditemu bual.
- c) Merangka soalan bagi sesi temu bual untuk mengumpulkan fakta kes seperti masa, tarikh, lokasi kejadian, OYDA dan butiran terperinci mengenai kesalahan yang dikatakan telah dilakukan.
- d) Menemu bual OYDA dan saksi atau mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkan perlu untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kes tersebut. Semua keterangan lisan hendaklah dirakam secara bertulis dan perlu menurunkan tandatangan ringkas (initial) pada semua helaian Akuan Pernyataan Penyiasatan.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	11 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

- e) Mengenal pasti bukti dan keterangan yang boleh menyokong fakta mengenai laporan JKSD. Bukti dan keterangan tersebut boleh diperoleh melalui dokumen-dokumen atau keterangan lisan daripada pegawai-pegawai yang berada di bawah KPKT dan Jabatan / Agensi di bawah KPKT. Keterangan yang diberikan oleh pegawai-pegawai hendaklah secara sukarela dan perlu direkodkan.
- f) Sekiranya apa-apa maklumat diperlukan daripada pihak luar seperti kontraktor, syarikat, konsultan atau individu luar, JKSD hendaklah mendapatkan maklumat tersebut secara bertulis.
- g) Bagi salah laku yang melibatkan kewangan, yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan Arahan Perbendaharaan (AP) dan / atau Pekeliling Perbendaharaan hendaklah dipatuhi.
- i) Sekiranya prosedur siasatan bagi sesuatu hal keadaan diperuntukkan secara khusus, maka prosedur tersebut hendaklah diikuti dan dipatuhi. Setiap prosedur yang dilakukan dan dokumen sokongan yang terlibat hendaklah direkodkan.

9.3 Tindakan Selepas Siasatan

- a) Menyediakan satu laporan JKSD yang lengkap berdasarkan format di Lampiran B dan diserahkan kepada KSU / KP melalui Ketua Unit Integriti KPKT / Jabatan dan hendaklah disertakan maklumat berikut:
 - i. maklumat perkhidmatan pegawai yang terlibat dalam siasatan.
 - ii. senarai dan Akuan Pernyataan Penyiasatan OYDA dan saksi.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	12 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

- iii. maklumat relevan dan dokumen sokongan yang diperoleh semasa siasatan.
 - iv. pengesyoran tindakan yang sesuai untuk diambil terhadap pegawai yang telah dikenal pasti sama ada tindakan Tata tertib / Surcaj / Jenayah / SPRM / Sivil beserta cadangan penambahbaikan (Merujuk surat bernombor rujukan JPA.BK (S) 343/7-4 Jilid 2 (5) bertarikh 13 Januari 2017, adalah dilarang memberi amaran secara pentadbiran kepada pegawai bagi kes salah laku yang siasatan mendapati wujud asas untuk dimulakan prosiding tata tertib).
- b) Ketua Unit Integriti, KPKT boleh mengarahkan JKSD untuk melengkapkan siasatan sekiranya didapati laporan yang dikemukakan tidak lengkap.
 - c) Unit Integriti, KPKT akan menyediakan Minit Bebas kepada Pegawai Pengawal beserta pengesyoran untuk pertimbangan selanjutnya.
 - d) Berdasarkan keputusan Pegawai Pengawal, tindakan seterusnya seperti berikut hendaklah diambil oleh Unit Integriti Jabatan / Agensi / Bahagian / Unit:
 - i. melaksanakan prosedur tata tertib atau memaklumkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti PDRM dan SPRM;

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	13 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

- ii. memaklumkan kepada Jabatan / Agensi / Bahagian / Unit yang berkaitan untuk melaksanakan cadangan penambahbaikan; dan
- iii. memantau pelaksanaan cadangan penambahbaikan.

10. KAEDAH SIASATAN JKSD

Siasatan JKSD boleh dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- a) semakan dokumen;
- b) persampelan yang bersesuaian;
- c) temu bual:
 - i. diatur melalui temu janji secara bertulis atau JKSD boleh memutuskan kaedah-kaedah lain yang bersesuaian mengikut keadaan pihak-pihak yang terlibat; dan
 - ii. menyediakan soalan temu bual untuk dijawab serta keterangan dicatat / direkodkan.
- d) mengenal pasti lokasi yang bersesuaian;
- e) lawatan tapak/lokasi kejadian; dan
- f) lain-lain kaedah yang bersesuaian.

11. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN

Tatacara ini terpakai untuk Unit Integriti KPKT. Walau bagaimanapun manamana Jabatan / Agensi boleh mengguna pakai tatacara ini dan menyesuaikan dengan polisi dan tatacara JKSD masing-masing.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	14 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

12. TARIKH KUAT KUASA

Kuatkuasa tatacara ini adalah dari tarikh kelulusan Ketua Setiausaha KPKT.

13. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai yang berikut:

- a. Ketua Unit Integriti : 03-8891 5202
- b. Ketua Seksyen Tadbir Urus, Pematuhan dan Pengurusan Aduan, Unit Integriti : 03-8891 5199

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	15 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

LAMPIRAN A

PENUBUHAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah seperti berikut:

1. Menyiasat dan mengenal pasti serta memperincikan jika ada berlaku salah laku oleh pegawai yang terlibat dalam kes yang dilaporkan.
2. Meneliti sama ada wujud kemungkinan unsur-unsur penyalahgunaan kuasa oleh pegawai yang terlibat.
3. Mencadangkan dan memperakukan pegawai-pegawai yang terlibat untuk dikenakan tindakan tatatertib/ surcaj/membuat laporan polis/SPRM/ tindakan sivil di mahkamah.
4. Mencadangkan penambahbaikan terhadap agensi dalam melaksanakan tugas pada masa akan datang bagi mengelakkan kesalahan yang sama berulang.
5. Menyediakan laporan siasatan yang lengkap merangkumi hasil siasatan dan penelitian, syor dan perakuan, cadangan penambahbaikan beserta dokumen sokongan yang berkaitan kepada urus setia dan dikemukakan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelantikan JKSD.
6. Larangan menggunakan amaran secara pentadbiran bagi kes salah laku yang siasatan mendapati wujud asas untuk dimulakan prosiding tatatertib selaras surat daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) bil. JPA.BK (S) 343/7-4 Jilid 2 (5) bertarikh 13 Januari 2017.

	TATACARA JKSD/KPKT/O8	Keluaran	01
		Pindaan	04
	TATACARA PENGURUSAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN	Mukasurat	16 / 16
		Tarikh	07 APR 2026

LAMPIRAN B

CONTOH FORMAT

LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN (JKSD) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

1. Tujuan / Objektif Siasatan
2. Latar Belakang Kes
3. Keanggotaan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD)
4. Kaedah Siasatan
5. Hasil Penemuan
6. Kekangan Siasatan (Jika Ada)
7. Rumusan